



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 2019

Semua Ketua Jabatan
Semua Pusat Tanggungjawab

BAYARAN INSENTIF BAGI PEMBELIAN TIKET PENERBANGAN DAN PENGINAPAN YANG DIBELI MENGGUNAKAN KAD KREDIT

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan kadar dan syarat bagi seseorang pegawai menuntut bayaran insentif sebanyak 5% semasa bertugas rasmi mengikut Perintah Am Bab B.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Tujuan utama bayaran insentif ini diberikan kerana ianya lebih pratikal disamping dapat menjimatkan masa dan murah jika dibandingkan dengan kaedah konvensional.
- 2.2 Pemberian ini adalah untuk menggalakkan penggunaan kaedah pembayaran secara elektronik bagi mempercepatkan pelaksanaan Kerajaan Digital di Negeri Kelantan.

3.0 KADAR DAN SYARAT BAYARAN INSENTIF 5%

- 3.1 Bayaran **insentif sebanyak 5% daripada perbelanjaan sebenar harga tiket kapal terbang dan penginapan yang layak dituntut** oleh pegawai semasa bertugas rasmi mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa. Belanja sebenar ini termasuk semua caj dan cukai yang dibenarkan dan layak dituntut oleh pegawai.
- 3.2 Insentif ini layak diberikan kepada pegawai yang menggunakan kad kredit milik individu sahaja. Penggunaan kad milik orang lain tidak digalakkan.
- 3.3 Pegawai hendaklah menyegerakan tempahan tiket kapal terbang atau hotel bagi mengelakkan harga ditawarkan lebih tinggi pada saat akhir. Jika harga tiket kapal terbang yang dibeli lebih mahal daripada harga Waran Perjalanan Udara Awam perbezaan harga hendaklah ditanggung oleh pegawai.

- 3.4 Tempahan tiket kapal terbang dan penginapan menggunakan kaedah Pesanan Tempatan kepada pegawai tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri.
- 3.5 Bayaran insentif ini hendaklah dituntut melalui Kenyataan Tuntutan Elaun Perjalanan Dalam Negeri/Luar Negeri di ruangan Tuntutan Pelbagai mengikut Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4 (Lampiran C/D).

4.0 TARIKH KUATKUASA


Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2019**.

5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.
- 5.2 Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi. Peruntukan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada penerimaan oleh Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' AHMAD ROBERT BIN ABD. RAHIM, D.P.S.K. (Kelantan)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN

25 September 2019

s.k.

YB Dato' Kaya Setia
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

YABrs Pengarah Audit Negeri Kelantan